*JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA NEGERI PAHANG*

# TAMAN LAUT PULAU TIOMAN









PULAU TIOMAN ADALAH PULAU TERBESAR DI DALAM GUGUSAN 9 PULAU-PULAU (PULAU TIOMAN, PULAU TULAI, PULAU LABAS, PULAU I, PULAU SERI BUAT, PULAU TOKONG BAHARA, PULAU GUT, PULAU CEBEH DAN PULAU SEMBILANG) YANG MEMBENTUK TAMAN LAUT TIOMAN. TERLETAK LEBIH KURANG 32 BATU NAUTIKA KE ARAH TIMUR DARI TANJUNG GEMUK, PAHANG, GUGUSAN PULAU INI DAN PERAIRAN DI SEKITARNYA DIGAZET SEBAGAI TAMAN LAUT PADA 1994 DI BAWAH AKTA PERIKANAN 1985 (PINDAAN 1993). SELAIN ITU, LIMA PULAU LAIN, IAITU PULAU RENGGIS, PULAU TUMOK, PULAU SOYAK, PULAU TASU DAN PULAU RAJA, TURUT TERMASUK DALAM SEMPADAN TAMAN INI.

MAKLUMAT PULAU TIOMAN

PUSAT TAMAN LAUT

PERKARA YANG BOLEH DILIHAT DAN DILAKUKAN

BAGAIMANA KE SANA?

PULAU TIOMAN BERUKURAN LEBIH KURANG 19 KM PANJANG DAN 11 KM LEBAR. PULAU INI MEMPUNYAI PESISIR PANTAI LEBIH KURANG 69 KM, DI MANA 29 KM (42%) MERUPAKAN PANTAI BERPASIR MANAKALA 58% LAGI TERDIRI DARIPADA CENURAM DAN TANJUNG TINGGI YANG BERBATU. SEBAHAGIAN BESAR PANTAI BERPASIR BOLEH DITEMUI DI PESISIR PANTAI BARAT, KHUSUSNYA DI ANTARA TANJUNG BERHALA DAN TANJUNG MESOH. PANTAI KECIL JUGA BOLEH DITEMUI DI KG JUARA DAN KG MUKUT, DI BAHAGIAN TIMUR DAN SELATAN PULAU.